

Soalan Lazim – “Goodwill Discount” untuk Penyelesaian Awal Perjanjian Sewa Beli Sedia Ada

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah kaedah Peraturan 78 (“Rule of 78”)?	Kaedah Peraturan 78 (“Rule of 78”) di bawah Akta Sewa Beli merujuk kepada kaedah pengiraan faedah/ keuntungan di mana faedah/ keuntungan diperuntukkan secara tidak seimbang kepada bulan-bulan awal dalam jadual pembayaran balik, bermakna peminjam/ pelanggan membayar lebih banyak faedah/ keuntungan pada awal pembiayaan dan menerima rebat yang lebih kecil jika mereka menyelesaikan pembiayaan lebih awal.
2	Apakah itu “Goodwill Discount”?	“Goodwill Discount” ditawarkan oleh bank semasa penyelesaian awal bagi perjanjian sewa beli kadar tetap sedia ada dan/atau yang menggunakan kaedah Peraturan 78 (“Rule of 78”).
3	Mengapa “Goodwill Discount” diperkenalkan?	“Goodwill Discount” diperkenalkan untuk memastikan kesaksamaan kepada pelanggan. Perubahan ini terpakai kepada pelanggan yang menandatangani perjanjian sewa beli kadar tetap sebelum tarikh kuat kuasa Akta Pindaan Sewa Beli (HPAA) atau semasa tempoh tangguh.
4	Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai “Goodwill Discount”?	Anda boleh merujuk kepada laman web rasmi berikut: - Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia (ABM): www.abm.org.my - Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM): www.aibim.com
5	Siapakah yang layak menerima “Goodwill Discount”?	Anda boleh merujuk kepada Siaran Akhbar ABM: https://www.abm.org.my/press-releases/banks-announce-goodwill-discounts-for-early-settlement-of-existing-hire-purchase-agreements-to-commence-upon-the-effective-date-of-the-hire-purchase-amendment-act/
6	Bagaimanakah saya boleh memohon “Goodwill Discount” dan berapakah jumlah yang saya layak terima?	Kerangka “Goodwill Discount” yang lebih komprehensif akan diperkenalkan dalam masa terdekat. Sila nantikan maklumat lanjut.
7	Adakah saya layak menerima “Goodwill Discount” sekiranya saya menyelesaikan pinjaman/ pembiayaan sewa beli saya hari ini?	Tidak, “Goodwill Discount” hanya akan bermula dari tarikh kuat kuasa HPAA, yang dijangka pada suku pertama tahun 2026. Pelanggan yang menyelesaikan pinjaman/pembiayaan sebelum tarikh tersebut tidak akan layak untuk “Goodwill Discount”.
8	Bagaimana jika saya memilih untuk terus membuat bayaran seperti dalam perjanjian sewa beli saya?	Pelanggan yang ingin terus membuat bayaran mengikut jadual yang dipersetujui sehingga tamat tempoh tidak akan terjejas oleh perubahan ini. Oleh itu, pelanggan boleh terus membayar ansuran seperti yang dipersetujui dan tidak perlu mengambil sebarang tindakan.
9	Bilakah saya akan tahu HPAA berkuat kuasa?	Butiran akan diterbitkan di laman web kami sebaik sahaja HPAA berkuat kuasa.
10	Saya perlu bercakap dengan seseorang mengenai perjanjian sewa beli.	Anda boleh menghubungi CIMB melalui saluran berikut: Kunjungi Pusat Kewangan Auto: Senarai Pusat Kewangan Auto Hubungi Pusat Panggilan Pengguna: +03 6204 7788 Hubungi Kami Secara Digital: contactus@cimb.com

Nota: Soalan lazim ini tertakluk kepada pindaan oleh CIMB selaras dengan kemas kini peraturan.